

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1998**

---

**PENGGUNAAN SISTEM PENERBANGAN SELAIN  
DARIPADA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA  
(MAS) UNTUK PENERBANGAN DOMESTIK**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA  
Ogos 1998**

Dikelilingkan Kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI,  
MALAYSIA,  
JALAN DATO' ONN,  
50502 KUALA LUMPUR.

Telefon: 2581957  
Kawat: PERDANA  
Fax: 2984172

*Rujukan Kami:* PM[SJ]10034 Jld.8/[ 9 ]

*Tarikh:* 11 Ogos 1998

- Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
- Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
- Ketua-Ketua Badan-Badan Berkanun Persekutuan
- Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
- Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan

---

**SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1998**


---

**PENGGUNAAN SISTEM PENERBANGAN SELAIN  
DARIPADA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA  
(MAS) UNTUK PENERBANGAN DOMESTIK**

Adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini di negara kita terdapat beberapa syarikat penerbangan lain yang didaftarkan selain daripada Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Dengan demikian adalah wajar peraturan mengenai penggunaan perjalanan udara bagi semua pegawai daripada Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, Badan-Badan Berkanun dan Syarikat-Syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan yang ekuitinya melebihi 50% serta mereka yang perjalanannya ditaja oleh Kerajaan diperluaskan kepada Syarikat-Syarikat penerbangan lain yang berdaftar di negara ini

2. Adalah diputuskan bahawa mulai dari tarikh Surat Pekeliling Am ini dikeluarkan semua pegawai daripada Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, Badan-Badan Berkanun dan Syarikat-Syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan yang ekuitinya melebihi 50% boleh menggunakan syarikat-syarikat penerbangan lain seperti di Lampiran A. Kelulusan ini adalah untuk penerbangan domestik sahaja. Bagi Penerbangan Antarabangsa dan peraturan-peraturan pembayaran yang ditetapkan, Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 1984 masih berkuatkuasa.

3. Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa dengan serta merta. Pihak Perbendaharaan juga akan mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan untuk menyesuaikan dengan Surat Pekeliling ini.



**TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI**  
*Ketua Setiausaha Negara.*

**LAMPIRAN A**

- 1) PELANGI AIRWAYS
- 2) BERJAYA AIR
- 3) AIR ASIA
- 4) TRANSMILE AIR